

Pertandingan Tenpin Bowling Inter Staf

Oleh **Nabilah Aminah Lutpi**

Pensyarah

Kelab Kakitangan PPKAS telah menganjurkan pertandingan tenpin bowling di Jitra Mall pada 10 April 2009 yang mana merupakan aktiviti wajib bagi setiap semester. Pertandingan ini mendapat sambutan hangat kerana bukan sahaja disertai oleh kakitangan dan pelajar ijazah tinggi, namun turut diserikan juga dengan penyertaan daripada ahli keluarga kakitangan.

Sebanyak sembilan pasukan yang terdiri daripada tiga orang sepasukan menunjukkan kehebatan masing-masing pada tiga frame yang berlangsung. Pelbagai aksi serta

gelagat ditunjukkan oleh para peserta bagi meraih jatuhan pin. PPKAS Best Bowler pada kali ini telah disandang oleh Andi Julaini Jasni dengan jumlah jatuhan pin sebanyak 425. Ini secara tidak langsung juga telah menobatkan kumpulan yang juga dianggotai Andi bersama Zuraidah dan Dahlia sebagai juara pasukan dengan jatuhan pin sebanyak 970.

Penyampaian hadiah dan saguhati kepada pemenang dan semua peserta telah disampaikan oleh Dr Khairul Nizar Ismail selaku Dekan PPKAS. Aktiviti seumpama ini bukan sahaja memupuk semangat kesukuanan, malah lebih mengeratkan hubungan di kalangan keluarga PPKAS.